

Guan Eng tuduh Najib amal diskriminasi cukai
Malaysian Insider
July 24 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

Lim Guan Eng menyifatkan kerajaan mengamal diskriminasi cukai 'satu sistem dua negara' apabila memberi insentif cukai 15 peratus kepada pakar warga asing di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Pada kenyataan media hari ini, Setiausaha Agung DAP itu mempersoal mengapa ia tidak boleh dinikmati di Sabah dan Sarawak sedangkan negeri berkenaan juga memerlukan pakar berpengetahuan.

"Dalam jawapan bertulis, Datuk Seri Najib Razak menerangkan cukai insentif 15 peratus perlu untuk bersaing dengan kadar cukai rendah di negara jiran seperti Singapura (15 peratus) dan Hong Kong (17 peratus).

"Najib menekankan cukai insentif 15 peratus bukan 'satu sistem dua negara' kerana ia hanya dinikmati untuk tempoh lima tahun dan dibayar pada kadar 25 peratus selepas itu.

"Ini menunjukkan cukai insentif semata-mata untuk Iskandar Malaysia dan tidak adil kepada negeri lain, seakan-akan Sabah dan Sarawak bukan sebahagian dari Malaysia," katanya.

Beliau merujuk jawapan bertulis yang menyatakan insentif Returning Expert Programme (REP) terbuka kepada pakar yang balik ke Malaysia dan bekerja di negara ini dan tidak dihad ke mana-mana negeri.

REP diperkenal kerajaan kepada golongan profesional Malaysia yang berkhidmat di luar negara, pulang berkhidmat di negara ini.

Kerajaan tidak memperluas insentif itu kepada pakar yang ada di Malaysia kerana melibatkan kehilangan hasil cukai memandangkan mereka merupakan pembayar cukai sedia ada.

Ia menunjukkan hasil apabila bilangan profesional yang pulang ialah 680 orang pada 2011, 923 orang (2012) dan 419 orang (Mei 2013) - 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/guan-eng-tuduh-najib-amal-diskriminasi-cukai>